

Pendidikan untuk Semua: Amalannya dalam Sistem Pendidikan Islam di Malaysia

Asmawati Suhid^{1*}, Abd. Muhsin Ahmad², Syaza Mohd Sabri³ & Azreen Effendy Mohamad⁴

^{1,3,4} Jabatan Pendidikan Bahasa dan Kemanusiaan, Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia, 43400, UPM Serdang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

² Fakulti Undang-undang, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur

ABSTRACT

Islamic Education is a compulsory subject that must be taken by all Muslim students in Malaysia. Change in Islamic education curriculum can be seen throughout its development. It aims to enhance and strengthen the Islamic education system to be holistic and global as well as fulfilling the philosophy of Islamic Education and the National Philosophy of Education. It is undeniable that Islamic education is an important platform that can shape and produce a balanced and integrated individual from the point of intellectual, spiritual, physical, emotional and social which is accordance with Islamic teaching. Based on the concept of Education for All, the children must be given a proper education because they are the generation that will inherit the responsibility and obligation as a servant and vicegerent of Allah in this world. Education shall take into account all groups of students so that there will be no students falling behind from the mainstream education in Malaysia. Therefore, this paper will discuss and analyze the development of Islamic Education curriculum. Furthermore it will also discuss the issues and problems that arise throughout its implementation.

Keywords: Islamic education, *education for all*, holistic

Abstrak

Pendidikan Islam merupakan mata pelajaran yang wajib diambil oleh semua murid Islam di Malaysia. Perubahan demi perubahan yang berlaku ke atas kurikulum Pendidikan Islam boleh dilihat sepanjang perkembangannya. Ia bertujuan untuk mempertingkatkan dan memantapkan lagi sistem Pendidikan Islam agar bersifat holistik dan global serta dapat memenuhi Falsafah Pendidikan Islam dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Tidak dinafikan juga, pendidikan Islam merupakan wadah penting yang dapat membentuk dan melahirkan insan yang seimbang dan sepadu dari sudut intelek, rohani, jasmani, emosi dan sosial yang bertepatan dengan ajaran Islam. Berdasarkan konsep *Education for All*, anak-anak wajib diberikan pendidikan yang sempurna kerana mereka merupakan generasi yang bakal mewarisi tanggungjawab dan amanah sebagai hamba dan khalifah di muka bumi Allah SWT. Pendidikan hendaklah mengambil kira semua golongan murid agar tiada berlaku keciciran lantas ketinggalan dalam arus perdana pendidikan di Malaysia. Justeru, kertas kerja ini akan mengupas dan memperincikan perkembangan kurikulum Pendidikan Islam. Seterusnya turut membincangkan isu dan masalah yang timbul sepanjang pelaksanaannya.

Kata Kunci: Pendidikan Islam, *education for all*, holistik

PENDAHULUAN

Pendidikan Islam merupakan matapelajaran wajib yang diajar di peringkat sekolah rendah dan menengah yang bertujuan melahirkan insan yang soleh, beriman, beramal dan berakhlak. Sehubungan itu, Pendidikan Islam perlu diajar sebagai matapelajaran al-Din, bermakna bukan sekadar menyampaikan pengetahuan dan kemahiran semata-mata tetapi hendaklah diamalkan dan dihayati sepenuhnya oleh setiap individu muslim yang beriman

*Corresponding author: asmawati@upm.edu.my

ISSN: 2289-...X © Universiti Putra Malaysia Press

kepada Allah SWT. Justeru, sebagai seorang guru Pendidikan Islam, tugasnya bukan hanya sekadar memindahkan maklumat kepada murid bahkan berperanan untuk melahirkan *khalifatullah* yang mempunyai perkembangan yang seimbang¹

Jika ditinjau sejarah perkembangan Pendidikan Islam secara umum, pengajian agama semasa zaman penjajahan bermula di rumah imam atau guru dan tidak diletakkan dalam sistem pendidikan negara. Ilmu yang diajarkan merupakan ilmu utama seperti membaca al-Quran, cara solat, puasa dan beberapa lagi perkara yang penting dalam Islam. Selepas itu, wujud pula sistem pondok dimana struktur pendidikannya lebih berbentuk tradisional. Pelajar tidak dihadkan umur dan kebolehan, tiada bayaran bulanan mahupun tahunan dikenakan dan kenaikan ke peringkat pengajian yang lebih tinggi adalah berdasarkan kemahiran pelajar tersebut. Kurikulumnya meliputi Fardhu Ain, Fardhu Kifayah dan lain-lain matapelajaran yang dianggap penting dalam Pendidikan Islam.² Bertitik tolak daripada sistem pondok, sistem madrasah diperkenalkan dimana ia dilengkapi dengan infrastruktur dari segi bangunan sekolah, asrama, kemudahan rekreasi dan pejabat pentadbiran. Setelah negara mencapai kemerdekaan, institusi madrasah (dikenali juga sebagai sekolah agama atau sekolah Arab) berterusan menghadapi cabaran. Ini kerana, Akta Pelajaran 1961 (yang berasaskan kepada Laporan Razak 1956 dan Laporan Rahman Talib 1960), telah membawa perubahan besar dalam sistem pendidikan kebangsaan, dengan memasukkan Pendidikan Agama Islam sebagai satu mata pelajaran ke dalam kurikulum sekolah kerajaan. Sekaligus keadaan ini melemahkan kedudukan sistem madrasah, lebih-lebih lagi dasar pendidikan kebangsaan memberikan gambaran bahawa prospek kerjaya atau jaminan ekonomi adalah lebih baik bagi lulusan sekolah kerajaan berbanding dengan lulusan madrasah (Mohd. Yunus Noor, 1990).

Kepentingan Pendidikan Agama Islam di sekolah kerajaan diberi penekanan lagi apabila ia diwajibkan ke atas semua murid Islam dan dimasukkan ke dalam jadual waktu rasmi sekolah pada 1962 dengan peruntukan masa dua jam seminggu. Dari sudut kandungan kurikulumnya pula, ia hampir serupa dengan apa yang diamalkan di kebanyakan negara Islam di mana pengajian al-Quran merupakan komponen asas disamping hadis dan tidak diabaikan juga tauhid, fiqh, akhlak, tulisan, tatabahasa Arab, kesusasteraan dan sejarah. Sesungguhnya perlu ditegaskan bahawa Pendidikan Agama Islam diadakan di sekolah kerajaan bagi menjamin hala tuju pendidikan Islam bukan mengeneppikan sistem pondok dan madrasah atau sekolah agama. Demi pendidikan Islam, semua sistem pendidikan yang terlibat dengannya ada kelebihan masing-masing dan patut dimanfaatkan oleh semua pihak.³

Amalan Konsep Education for All dalam Pendidikan Islam

Bagi menepati dan mencapai maksud *Education For All*, maka perubahan dan peningkatan dalam pengajaran Pendidikan Islam dapat dilihat dari segi pemantapan Kurikulum Pendidikan Islam agar ia dapat meraihan semua golongan dan jenis murid. Sukatan pelajaran agama Islam di sekolah rendah mengandungi perkara-perkara yang penting dipelajari oleh murid-murid dan disusun sesuai mengikut umur serta kebolehan mereka. Antaranya ialah Tilawah al-Quran, Aqidah, Ibadah, Adab dan Akhlak Islam, Sirah Nabawiyah dan Hadith. Manakala sukatan pelajaran sekolah menengah pula merupakan kesinambungan daripada peringkat rendah bagi memperkukuh dan mendalami lagi ilmu agama.

Selain usaha penambahbaikan dan pemantapan Pendidikan Islam yang telah dihuraikan di atas, terdapat beberapa lagi langkah yang telah diambil oleh pihak Kementerian Pelajaran Malaysia. Antaranya ialah, pelajar-pelajar Islam diperkukuhkan lagi dengan perkara asas fardhu 'ain mereka menerusi program Penilaian Perkara Asas Fardhu 'Ain atau PAFA di peringkat rendah dan menengah. Pelaksanaan PAFA antara lain bertujuan untuk memastikan setiap orang murid faham dan boleh melakukan Perkara Asas Fardhu 'Ain dengan betul dan sempurna; mengenal pasti murid yang lemah dalam kefahaman dan amalan Perkara Asas Fardhu 'Ain kemudian membimbing mereka sehingga mereka faham dan boleh mengamalkannya dengan betul dan sempurna; memastikan tidak berlaku sebarang keciciran dalam Perkara Asas Fardhu 'Ain; dan menimbulkan keinsafan dan kerelaan yang positif bagi mengamalkan dan menghayati Perkara Asas Fardhu 'Ain.⁴ Seterusnya, pengenalan program j-QAF iaitu singkatan kepada jawi, al-Quran, bahasa Arab dan fardhu ain. Program j-QAF adalah sebahagian daripada usaha untuk memperkasakan pendidikan Islam dan sekaligus memantapkan sistem pendidikan kebangsaan selain daripada menyokong program Penilaian Asas Fardhu Ain (PAFA). Bagi

¹ Kamarul Azmi Jasmi, & Ab. Halim Tamuri. (2012). *Pendidikan Islam kaedah pengajaran dan pembelajaran*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.

² Ahmad Mohd Salleh. (1997). *Pendidikan Islam: Falsafah, Pedagogi dan Metodologi*. Selangor: Penerbit Fajar Bakti, h. 65-72

³ Asmawati Suhid (2005). Pemantapan komponen akhlak dalam Pendidikan Islam bagi menangani era globalisasi. *Jurnal Kemusiaan*, Fakulti Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia, 6, 2005. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.

⁴ **Asmawati Suhid** dan Shahrul Nizam Zakaria (2010). Pelaksanaan Ujian Bacaan Amali Solat Perkara Asas Fardhu Ain. Kertas kerja yang dibentangkan di *Seminar Penyelidikan Pendidikan dan Pembangunan Sumber Manusia FPP 2010*, 15 Disember 2010, Fakulti Pengajian Pendidikan.

memudah dan melicinkan pengajaran dan pembelajaran j-QAF, empat modul telah dihasilkan sebagai panduan dan kegunaan guru j-QAF iaitu Model Kelas Pemulihan Jawi, Model 6 Bulan Khatam al-Quran, Model Tasmik, Model Bahasa Arab Komunikasi dan Model Kem Bestari Solat. Setiap model ini mempunyai objektif dan strategi pelaksanaan masing-masing berdasarkan modul yang dibekalkan.

Kemunculan Sekolah Rendah Islam Swasta (SRIS) juga memperlihatkan permintaan yang tinggi masyarakat terhadap pendidikan Islam. SRIS juga dibina ekoran daripada keperluan atau tuntutan semasa agar pendidikan yang bersifat holistik yang menjadikan Islam sebagai terasnya turut mengambilkira penguasaan bahasa Inggeris dan kemahiran teknologi maklumat (Rosnani Hashim, 2007).⁵ SRIS merujuk kepada sekolah yang dibangunkan atas daya usaha pertubuhan atau sekelompok individu tertentu. Ia tentu sekali tidak termasuk sekolah yang dibina oleh kerajaan persekutuan sepenuhnya atau sekolah bantuan modal atau sekolah kelolaan negeri. Berdasarkan rekod sehingga 30 Jun 2012 yang dikeluarkan oleh Bahagian Pendidikan Swasta, Kementerian Pelajaran Malaysia, terdapat 32 buah SRIS yang mendaftar. Jumlah ini kelihatan kecil jika dibandingkan dengan penelitian kasar bagaimana banyaknya SRIS yang dibangunkan khasnya di bandar-bandar besar. Selain itu, terdapat juga Kelas Aliran Agama (KAA) di sekolah menengah harian diwujudkan atas permintaan ibu bapa dan masyarakat. Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) yang sedia ada tidak dapat menampung permintaan ibu bapa berikutan pencapaian prestasi murid-murid dalam UPSR yang meningkat.

Terkini, pengenalan program *Ulul Albab* pada 2006 telah juga mendapat perhatian daripada ibubapa. Cetusan idea ini terhasil apabila mantan Perdana Menteri Malaysia kelima telah mengungkapkan istilah *Ulul Albab* sebagai membangunkan modal insan yang berkualiti dan holistik bagi menghadapi dunia global.⁶

“*Ulul Albab* atau golongan yang berakal sempurna, sepertimana yang disebut dalam al-Quran adalah mereka yang mempunyai kekuatan akal fikiran, yang menguasai sains, falsafah dan teknologi.”

Program *Ulul Albab* mula diperkenalkan di sekolah menengah Imtiaz di mana ia telah digabungkan dengan sistem pembelajaran yang memberi tumpuan kepada al-Quran, pembangunan sahsiah dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah. Istilah *Ulul Albab* merujuk kepada kumpulan yang mempunyai asas yang kukuh dalam al-Quran, pengetahuan yang luas dan pelbagai, mampu berfikir dan memerhati ciptaan Allah SWT melalui jiwa dan fikiran tajam dan belajar daripadanya. Objektif utama pelaksanaan Program *Ulul Albab* yang pertama di Terengganu adalah untuk meletakkan Terengganu sebagai pusat unggul pengajian al-Quran di Malaysia. Di samping itu, kerajaan negeri Terengganu telah menyediakan kemudahan dan prasarana pendidikan moden untuk kajian al-Quran dan juga untuk bidang sains dan teknologi untuk memastikan pelajar akan berjaya dalam kedua-dua bidang. Ia juga merupakan program kesinambungan untuk pelajar yang berminat dalam bidang sains dan agama sebagai pendidikan alternatif. Program *Ulul Albab* yang kini kian mendapat perhatian adalah satu program pendidikan yang bersepadu antara program yang sedia ada pendidikan (Sains Tulen) dan program agama termasuk Tahfiz al-Quran. Program *Ulul Albab* bertujuan untuk melahirkan golongan profesional, teknokrat dan usahawan yang bukan sahaja berilmu *duniawi* tetapi juga mahir dalam bidang agama berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah sebagai generasi *Ulul Albab*.

Berdasarkan prinsip *Education for All*, maka kerajaan turut memberi penekanan pendidikan kepada golongan murid yang terlibat dalam perbuatan jenayah dan juvana. Sekolah Integriti merupakan sinar baharu bagi pesalah juvana. Ia ditubuhkan pada April 2008 secara kerjasama Kementerian Pelajaran Malaysia dan Jabatan Penjara Malaysia. Sekolah Integriti ini beroperasi di enam buah penjara mengikut zon, iaitu Sekolah Integriti Kluang di Penjara Kluang Johor (Zon Selatan), Sekolah Integriti Kajang di Penjara Kajang Selangor (zon Tengah), Sekolah Integriti Marang di Penjara Marang Terengganu (Zon Timur), Sekolah Integriti Sungai petani di Penjara Sungai Petani (zon Utara), Sekolah Integriti Puncak Borneo di Penjara Kuching Serawak (zon Serawak) dan Sekolah Integriti Kota Kinabalu di Penjara Kota Kinabalu Sabah (Zon Sabah). Kesemua sekolah ini telah di daftarkan sebagai sekolah kerajaan pada Januari 2011 dan menjalankan aktiviti sepertimana sekolah kawalan penuh Kementerian Pelajaran Malaysia serta membenarkan setiap murid yang berdaftar di sekolah ini menduduki peperiksaan awam seperti Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Selain enam buah sekolah terbabit, calon di sekolah Henry Gurney Telok Mas dan Sekolah Henry Gurney keningau turut di daftarkan sebagai calon sekolah.

Sekolah-sekolah yang terlibat pada dasarnya menggunakan kurikulum dan sukatan pelajaran serta guru yang sama sebagaimana di tetapkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia dan turut menawarkan kelas-kelas PMR, SPM disamping kelas-kelas pemulihan seperti kelas 3M (membaca, menulis dan mengira), persediaan Penilaian

⁵ Rosnani Hashim. (2007). Liberalisasi pendidikan dan cabarannya dalam konteks pendidikan Islam di Malaysia. *Jurnal Pendidikan Islam*. 12(2), 19-40.

⁶ Sabri Mohamad Sharif (2009). *Generasi Ulul Albab segunung harapan seteguh gagasan*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd

Menengah Rendah (PMR) dan persediaan Sijil Pelajaran Malaysia. Pendidikan Islam merupakan salah satu mata pelajaran yang ditawarkan dalam Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Peranan guru pendidikan Islam di sekolah integriti adalah mencabar. Ini kerana Pendidikan Islam tidak sekadar menyampaikan maklumat dan pelajaran kepada murid, sebaliknya ia perlu kepada aspek penghayatan dan amalan. Tambahan pula murid berlatar belakangkan pelbagai masalah dan berbeza karektor. Disamping itu juga pengajaran terpaksa dilakukan secara umum (kepada seluruh kelas) dan bukan kepada individu kerana bilangan calon yang ramai disamping kekurangan guru.

Bagaimanapun, berdasarkan kajian berkaitan minat murid Sekolah Integriti terhadap PdP Pendidikan Islam, secara keseluruhannya dapatan kajian menunjukkan bahawa majoriti murid berpandangan positif tentang amalan pengajaran guru Pendidikan Islam (PI) ketika memulakan pengajaran. ⁷Murid juga berpandangan positif tentang penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) oleh guru PI dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Yang menariknya, murid menyatakan bahawa "BBM yang guru gunakan menimbulkan rasa insaf" dalam diri mereka.
8

Pendidikan juga perlu diberikan kepada murid berkeperluan khas atau murid bermasalah dalam pembelajaran. Murid masalah pembelajaran merupakan salah satu kumpulan murid yang dikategorikan sebagai murid pendidikan khas yang memerlukan alternatif dan pengubahsuaian dari segi kurikulum dan kaedah pengajaran. Murid pendidikan khas merupakan murid yang mengalami masalah pembelajaran yang berbeza daripada murid normal lain yang melibatkan kognitif, penglihatan atau pendengaran. Justeru, mereka memerlukan pengubahsuaian dari segi kaedah pengajaran, bahan bantu mengajar dan juga sukatan pelajaran. Menurut Jamila K.A Mohamad (2006),⁹

"Kanak-kanak khas didefinisikan sebagai kanak-kanak yang berbeza daripada kanak-kanak biasa dari aspek ciri-ciri mental, keupayaan sensori, keupayaan komunikasi, tingkah laku sosial, ataupun ciri-ciri fizikal".

Menurut Kirk dalam Jamila K. A Mohamad (2006) pula, kanak-kanak hanya dianggap sebagai kanak-kanak khas apabila terdapat keperluan bagi mengubahsuaikan program pendidikan. Untuk tujuan melicinkan urusan pendidikan mereka, maka Unit Pendidikan Khas telah ditubuhkan dan diletakkan dibawah Bahagian Sekolah, Kementerian Pelajaran Malaysia. Unit ini telah dinaiktaraf kepada Jabatan Pendidikan Khas pada tahun 1995 dan seterusnya pembentukan Unit Pendidikan Khas di Jabatan Pendidikan Negeri pula diwujudkan. Perkembangan yang pesat dalam Pendidikan Khas ini adalah bukti bahawa murid berkeperluan khas ini telah diberikan peluang pendidikan yang sama seperti murid aliran perdana yang lain.

Golongan murid atau remaja yang perlu juga diberi perhatian ialah mereka yang telah berkahwin awal atau di bawah umur. Di Malaysia, perkahwinan remaja bawah umur banyak juga berlaku. Merujuk kepada Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 (Akta 303) seksyen 8 berkaitan Umur Minimum untuk Perkahwinan menyebutkan:

Tiada suatu perkahwinan boleh diakadnikahkan di bawah Akta ini jika lelaki itu berumur kurang daripada lapan belas tahun atau perempuan itu berumur kurang daripada enam belas tahun kecuali jika Hakim Syarie telah memberi kebenarannya secara bertulis dalam hal keadaan tertentu.

Isu remaja atau murid berkahwin bawah umur bukan merupakan isu baru. Antara punca fenomena ini ialah tradisi yang diamalkan oleh masyarakat feudal, kemiskinan dan keperluan ekonomi, atau atas sebab kelangsungan kuasa politik dan harta (Mashitah Ibrahim, 2013).¹⁰ Ia menjadi perbincangan banyak pihak termasuklah badan kerajaan dan NGO di seluruh dunia. Walau apapun faktor yang menyebabkan berlakunya keadaan ini, masyarakat perlu memikirkan tentang masa hadapan mereka. Antara fokus utama yang perlu diteliti oleh beberapa pihak ialah peluang remaja ini mengikuti dan meneruskan pembelajaran mereka. Setakat ini, tidak terdapat polisi yang secara rasminya menyebut tentang status murid yang berkahwin bawah umur samada boleh meneruskan persekolahan ataupun tidak. Namun dari segi amalannya, pihak sekolah tidak membenarkan mereka menghadiri dan mengikuti persekolahan mungkin disebabkan bimbang memberi pengaruh negatif kepada murid lain. Bagaimanapun, adalah tidak wajar mereka ini tidak dibenarkan menyambung persekolahan apabila

⁷ Kajian bertajuk "Penelitian terhadap kurikulum dan pengajaran Pendidikan Islam dalam program Pendidikan Juvana dan Banduan Muda di Malaysia. Oleh Asmawati Suhid

⁸ **Asmawati Suhid**, Fathiyah Fakhruddin dan Lukman Abdul Mutalib (2012). *Pemantapan akhlak menerusi amalan pengajaran guru Pendidikan Islam dalam kalangan murid sekolah Integriti*. Kertas kerja yang dibentangkan di Wacana Pendidikan Islam, Brunei Darussalam, 2012.

⁹ Jamila K. A. Mohamad (2006). *Pendidikan Khas untuk Kanak-Kanak Istimewa*. Selangor: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.

¹⁰ Mashitah Ibrahim (2013). Perlu kaji perkahwinan bawah umur. *Kolumnis Sinar Harian*

berkahwin. Mereka sebenarnya perlu diberi didikan dan peluang menimba ilmu dan kemahiran demi mengharungi kehidupan dan masa hadapan.

Transformasi Pendidikan Islam dalam Sistem Pendidikan Negara

Menurut Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia akan memastikan pelaksanaan pendidikan yang bersepadu berdasarkan tanda aras antarabangsa bagi mempersiapkan generasi muda dengan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk bersaing pada peringkat global dan menghadapi cabaran abad 21.¹¹ Kurikulum ini akan menyentuh dimensi intelek, rohani, emosi, dan fizikal setiap murid, serta menekankan aplikasi pengetahuan dan perkembangan pemikiran kritis, kreatif, dan inovatif. Justeru, 11 anjakan telah di kenal pasti bagi menghasilkan perubahan yang dihasratkan oleh masyarakat Malaysia iaitu:

1. menyediakan kesamarataan akses kepada pendidikan berkualiti yang bertaraf antarabangsa;
2. memastikan setiap murid menguasai kemahiran dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dan digalakkan mempelajari bahasa tambahan;
3. melahirkan rakyat yang menghayati nilai;
4. mentransformasi profesion perguruan menjadi profesion pilihan;
5. memastikan kepimpinan berprestasi tinggi ditempatkan di setiap sekolah;
6. mengupaya JPN, PPD dan sekolah untuk menyediakan penyelesaian khusus berasaskan keperluan;
7. memanfaatkan ICT bagi meningkatkan kualiti pembelajaran di Malaysia;
8. mentransformasi kebolehan dan keupayaan penyampaian kementerian;
9. bekerjasama dengan komuniti, ibu bapa dan sektor swasta secara meluas;
10. memaksimumkan keberhasilan murid bagi setiap ringgit;
11. meningkatkan ketelusan bagi kebertanggungjawaban awam secara langsung.

Mata pelajaran Pendidikan Islam turut terlibat dalam transformasi pendidikan yang bersifat futuristik dan global ini. Transformasi pendidikan dapat dinilai melalui perubahan tahap pembelajaran dan perkembangan semasa murid secara holistik yang menekankan pembangunan intelek, rohani, emosi, dan fizikal, seiring dengan pembinaan identiti nasional yang kukuh.¹²

Transformasi kurikulum berlaku dengan jelas apabila KBSR ditukarkan kepada Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) bagi murid sekolah rendah. Transformasi kurikulum ini bukan sahaja menekankan kepada peningkatan dari segi kandungan, tetapi juga penggunaan pelbagai pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang memberi lebih penekanan kepada *hands-on learning* seperti inkuiri penemuan, pembelajaran berasaskan masalah, pembelajaran secara konstruktivisme, pembelajaran secara kontekstual, pembelajaran pengaturan sendiri, pembelajaran masteri dan pembelajaran luar bilik darjah. Pendekatan yang digunakan mesti menyediakan peluang pembelajaran murid yang menyeronokkan serta mengambil kira kepelbagaian kecerdasan murid. Dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran, bahan pengajaran memainkan peranan yang penting. Guru perlu melibatkan penggunaan bahan pengajaran agar aktiviti PdP lebih menarik dan objektif pengajaran tercapai. Dengan kata lain, pendekatan berpusatkan bahan lebih mengutamakan kecekapan dan kemahiran menggunakan bahan pelajaran untuk mencapai objektif pengajaran. Ia juga dapat membantu murid memahami konsep yang abstrak dengan lebih jelas di samping memupuk semangat berdikari dengan menjalankan aktiviti pembelajaran tanpa kehadiran atau pertolongan guru. Melalui penambahbaikan dan pemantapan kurikulum ini diharapkan dapat meningkatkan pengajaran Pendidikan Islam dimana dahulunya guru Pendidikan Islam hanya menumpukan kepada menyampaikan ilmu sahaja kepada pelajar, tetapi kini peranan guru juga adalah untuk melahirkan modal insan kelas pertama.

Sebagaimana yang diketahui, pendidikan adalah proses dan aktiviti yang bertujuan membawa perubahan kepada seseorang individu mengikut norma dan nilai sesuatu masyarakat. Di era ini, guru bertanggungjawab untuk memberi pendidikan dan menghasilkan perubahan tingkah laku ke atas diri murid. Mereka harus memahami idea perubahan dengan sempurna, secukupnya dan menyusun strategi yang rapi untuk memastikan perubahan dapat dilaksanakan dengan jayanya. Bagi menangani perubahan dalam inovasi, guru perlu menguasai teknologi yang sentiasa berubah di samping meningkatkan lagi ilmu pengetahuan serta mutu pengajaran. Guru perlu mengamalkan budaya membaca, budaya belajar, budaya berfikir dan budaya menulis. Peningkatan dalam ilmu pengetahuan dan teknologi sewajarnya dilakukan oleh guru kerana keupayaan guru menyelesaikan masalah bergantung kepada keupayaan guru sebagai fasilitator, penyelesaian masalah, pemangkin dan pendorong

¹¹ Kementerian Pendidikan Malaysia (2013). Malaysian education blueprint 2013-2025 (Preschool to post-secondary education). Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia

¹² Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2012).

pembelajaran. Guru juga perlu inovatif untuk membuat peningkatan dalam pengajaran dan mempertingkatkan amalan pedagogi dalam bilik darjah. Contohnya kaedah syarahan dan ceramah yang sering diamalkan sebelum ini diubah kepada kaedah terkini supaya corak pengajaran guru semakin menarik dan efektif serta penekanan yang lebih kepada proses PdP yang berpusatkan murid dan bahan. Bagaimanapun, strategi pengajaran dan pembelajaran yang berkesan dalam reformasi kurikulum perlu memberikan pertimbangan seimbang dari segi akademik dan bukan akademik berpaksikan ilmu pengetahuan, teori dan aplikasi secara kontekstual dalam kehidupan mengikut kebolehan dan keupayaan pelajar)¹³. Perubahan yang dapat membawa kepada pencapaian standard yang diharapkan dalam mata pelajaran Pendidikan Islam dapat dimulakan dengan amalan pedagogi yang 'up to date' dan relevan. Kebanyakan murid belajar dengan berkesan melalui pengalaman penglibatan peribadi, aktiviti 'hands-on learning' dan peluang untuk penemuan sendiri (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2001). Oleh itu, guru Pendidikan Islam perlu berusaha dengan lebih gigih untuk meningkatkan kualiti pengajaran Pendidikan Islam dalam bilik darjah demi menyiapkan para murid agar mampu menghadapi cabaran abad ke-21.

Pemantapan Profesionalisme Guru Pendidikan Islam

Untuk memastikan transformasi pendidikan yang dilaksanakan berjaya dan mencapai matlamatnya, maka profesionalisme guru perlu dipertingkat dan dimantapkan. Usaha-usaha pemantapan latihan perguruan yang telah dilakukan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia bertujuan mempertingkatkan lagi ilmu dan kemahiran pengajaran. Teras ke lima Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010 iaitu memartabatkan profesion keguruan telah dibahagikan kepada lima fokus utama. Dua daripada lima fokus utama tersebut yang ditekankan ialah; pertama, menambah baik sistem pemilihan calon guru seperti memperketatkan syarat dan kriteria pengambilan calon guru. Program-program pengambilan calon guru seperti Kursus Perguruan Lulusan Ijazah (KPLI) dan Kursus Perguruan Lulusan SPM (KPLSPM) akan diperketatkan syarat kelayakannya. Hal ini adalah untuk memastikan bahawa hanya calon-calon yang layak sahaja yang akan mendapat tempat di Institut Pendidikan Guru (IPG).¹⁴

Kedua, memantapkan latihan perguruan. Antara strategi pelaksanaan fokus kedua ini adalah menaiktaraf maktab perguruan kepada Institut Pendidikan Guru (IPG), merekabentuk dan menggubal kurikulum IPG secara berpusat. Hal ini amat penting kerana suasana pembelajaran yang baik dan kondusif akan dapat melahirkan guru yang cemerlang dari semua aspek serta mempunyai tahap profesionalisme yang tinggi.¹⁵ Adalah diharapkan dengan lahirnya guru yang cemerlang akan meningkatkan lagi mutu PdP terutama dalam mata pelajaran Pendidikan Islam.

Jika diteliti semula 11 anjakan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) yang bakal dilaksanakan pada 2013-2025, antaranya ialah meningkatkan kualiti guru dan menjadikannya sebagai profesion pilihan. Kementerian akan memastikan guru mengamalkan pengajaran dan pembelajaran berpusatkan murid dan memenuhi keperluan murid yang berbeza-beza. Disamping itu, kementerian juga akan memartabatkan profesion keguruan sebagai profesion pilihan. Langkah-langkah yang diambil termasuklah meningkatkan dan menguatkuasakan standard kemasukan ke program latihan perguruan dan meningkatkan keberkesanan latihan praperkhidmatan.

Selain itu, Kementerian Pendidikan Malaysia juga telah mewujudkan satu standard untuk guru-guru di Malaysia yang dinamakan Standard Guru Malaysia (SGM). SGM menggariskan kompetensi profesional yang patut dicapai oleh guru, dan keperluan yang patut disediakan oleh agensi dan institusi latihan perguruan bagi membantu guru mencapai tahap kompetensi yang ditetapkan. Antara rasional pembentukan SGM adalah untuk memastikan guru sentiasa mempunyai tahap amalan nilai profesionalisme keguruan, pengetahuan dan kefahaman, serta kemahiran pengajaran dan pembelajaran yang tinggi bagi membolehkan mereka berfungsi sebagai guru profesional dengan berkesan.¹⁶ Ini merupakan usaha Kementerian Pendidikan Malaysia untuk melahirkan guru yang berkualiti dan memastikan mereka yang berkualiti kekal dalam sistem pendidikan negara dan kekal berkualiti di sepanjang tempoh perkhidmatan dalam melahirkan modal insan kelas pertama.

Jelaslah disini, menerusi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia usaha mempertingkatkan pengajaran oleh guru terutama guru Pendidikan Islam mendapat perhatian. Dengan adanya usaha memantapkan profesion perguruan akan memberi impak yang sangat besar kepada warga pendidik seterusnya mereka akan bersaing dalam meningkatkan kualiti pengajaran.

¹³ Huraian Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam, Kementerian Pelajaran Malaysia, 2002.

¹⁴ Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010, hal 109

¹⁵ Ibid., hal 109

¹⁶ Laman web Standard Guru Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia.

RUMUSAN

Menerusi perbincangan di atas, jelas memperlihatkan bahawa proses memantapkan Pendidikan Islam terus dilaksanakan apabila ia turut terlibat dalam transformasi pendidikan yang berlaku dalam sistem pendidikan kebangsaan. Ini disokong pula dengan pelbagai usaha dan langkah yang diambil oleh pihak KPM dalam memantapkan lagi Pendidikan Islam di sekolah. Justeru, para guru Pendidikan Islam hendaklah bersama berganding bahu memikul dan melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan bagi merealisasikan matlamat dan harapan negara. Guru perlu sentiasa peka kepada perubahan yang berlaku dan berusaha memperluaskan diri dengan ilmu dan pelbagai kemahiran. Keupayaan guru menterjemahkan kehendak kurikulum dan mempelbagaikan pendekatan kaedah pengajaran mampu meningkatkan keupayaan dan penguasaan prestasi akademik pelajar, di samping sebagai pemangkin kepada perubahan sikap dan minat pelajar kepada mata pelajaran Pendidikan Islam.

Selain itu, perlu ditekankan sekali lagi bahawa pendidikan perlu diberikan kepada semua golongan dan pelbagai latar belakang murid agar ianya benar-benar bersifat holistik dan menyeluruh. Komitmen daripada pelbagai pihak amat diharapkan bagi memastikan prinsip *Education for All* dapat dilaksanakan dengan efektif dan berkualiti.

RUJUKAN

- Ahmad Mohd Salleh. (1997). *Pendidikan Islam: Falsafah, Pedagogi dan Metodologi*. Selangor: Penerbit Fajar Bakti, h. 65-72.
- Asmawati Suhid (2005). Pemantapan komponen akhlak dalam Pendidikan Islam bagi menangani era globalisasi. *Jurnal Kemusiaan*, Fakulti Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia, 6, 2005. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Asmawati Suhid dan Shahrul Nizam Zakaria (2010). Pelaksanaan Ujian Bacaan Amali Solat Perkara Asas Fardhu Ain. Kertas kerja yang dibentangkan di *Seminar Penyelidikan Pendidikan dan Pembangunan Sumber Manusia FPP 2010*, 15 Disember 2010, Fakulti Pengajian Pendidikan.
- Asmawati Suhid, Fathiyah Fakhruddin dan Lukman Abdul Mutalib (2012). *Pemantapan akhlak menerusi amalan pengajaran guru Pendidikan Islam dalam kalangan murid sekolah Integriti*. Kertas kerja yang dibentangkan di Wacana Pendidikan Islam, Brunei Darussalam, 2012.
- Huraian Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam, Kementerian Pelajaran Malaysia, 2002.
- Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010, hal 109
- Jamila K. A. Mohamad (2006). *Pendidikan Khas untuk Kanak-Kanak Istimewa*. Selangor: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Kamarul Azmi Jasmi, & Ab. Halim Tamuri. (2012). *Pendidikan Islam kaedah pengajaran dan pembelajaran*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2013). *Malaysian education blueprint 2013-2025 (Preschool to post-secondary education)*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia
- Mashitah Ibrahim (2013). Perlu kaji perkahwinan bawah umur. *Kolumnis Sinar Harian*
- Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2012).
- Rosnani Hashim. (2007). Liberalisasi pendidikan dan cabarannya dalam konteks pendidikan Islam di Malaysia. *Jurnal Pendidikan Islam*. 12(2), 19-40.
- Sabri Mohamad Sharif (2009). *Generasi Ulul Albab segunung harapan seteguh gagasan*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd